



# Ayat Ayat Tadarus Ramadan

SEMPENA PROGRAM SAMBUTAN IHYA' RAMADAN  
PERINGKAT KEBANGSAAN 1443H/2022M

*"Ramadan Dirai Ukuwah Di Hati"*



## **ISI KANDUNGAN**

<b>Kata-kata Aluan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)</b>	<b>1</b>
<b>Kata-kata Aluan YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)</b>	<b>3</b>
<b>Kata-kata Aluan Ketua Pengarah JAKIM</b>	<b>4</b>
<b>Topik 1: Menjunjung Syariat Islam</b>	<b>6</b>
<b>Topik 2: Perpaduan di atas Akidah yang Satu</b>	<b>10</b>
<b>Topik 3: Pengukuhan Aktiviti</b>	<b>13</b>
<b>Topik 4: Keharmonian Bermasyarakat</b>	<b>16</b>
<b>Topik 5: Keilmuan Berpaksikan Tauhid</b>	<b>20</b>
<b>Topik 6: Istiqamah Beragama</b>	<b>24</b>
<b>Topik 7: Sentiasa Bertabayyun</b>	<b>28</b>
<b>Topik 8: Meraikan Khilaf</b>	<b>31</b>
<b>Topik 9: Mempergiat Dakwah</b>	<b>34</b>
<b>Topik 10: Mengangkat Hak Asasi Manusia Menurut Islam</b>	<b>39</b>

**10 TOPIK AYAT-AYAT TADARUS RAMADAN PERINGKAT KEBANGSAAN  
BAGI TAHUN 1443H**  
**BERTEMAKAN : AL-QURAN PENYINAR UMAT SEPANJANG ZAMAN**

**KATA-KATA ALUAN YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

الحمد لله رب العالمين، والعاقبة للمتقين، والصلوة والسلام على عبده ورسوله وخليله وصفوته من خلقه نبينا وإمامنا وسيدنا محمد بن عبد الله، وعلى آله وأصحابه ومن سلك سبيله واهتدى بهداه إلى يوم الدين. أما بعد:

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 183:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُم تَتَّقَوْنَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”

Setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayang-Nya kita masih diberi kesempatan untuk menyambut bulan Ramadan al-Mubarak bagi tahun 1443 Hijrah. Seiring dengan itu juga, saya amat teruja kerana buat julung kalinya, buku **“Ayat-ayat Tadarus Ramadan Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1443 Hijrah”** berjaya diterbitkan bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan al-Mubarak.

Sesungguhnya, bulan Ramadan adalah sebaik-baik bulan untuk kita terus saling mempelajari dan menghayati segala isi kandungan al-Quran, sesuai dengan kedudukan Ramadan sebagai bulan tadarus al-Quran. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Ibn ‘Abbas mengatakan bahawa Jibril telah diutus kepada Nabi SAW untuk bertadarus al-Quran pada setiap malam pada bulan Ramadan.

Justeru, dengan tema “**al-Quran Penyinar Umat Sepanjang Zaman**”, buku ini dihasilkan dengan memilih 10 buah topik penting yang menjadi tunjang dalam kehidupan seorang muslim tanpa mengira apa pun kedudukan kita. Semoga buku ini dapat dijadikan panduan tadarus untuk memahami, menghayati dan mengamalkan isi kandungan al-Quran buat seluruh umat Islam di negara ini, di samping tadarus dari sudut bacaan yang biasa diamalkan.

Sekian, terima kasih.

**YB SENATOR DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD**

## **KATA-KATA ALUAN YB TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

الحمد لله رب العالمين، والعاقبة للمتقين ولا عداوة إلا على الظالمين، والصلوة والسلام على المبعوث رحمة للعالمين سيد الأولين والآخرين وعلى آله وصحبه أجمعين. وبعد:

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْءَانَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيَبْشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ۖ

Maksudnya: "Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (ugama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar."

Segala puji bagi Allah SWT, dengan limpah kurnia dan belas ihsan-Nya, buku **“Ayat-ayat Tadarus Ramadan Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1443 Hijrah”** ini berjaya dihasilkan buat julung kalinya.

Tadarus merupakan perkataan Arab yang bermakna saling belajar, meneliti, memahami dan mengkaji. Apabila digabungkan menjadi tadarus al-Quran, maka ia bermakna saling mempelajari, memahami dan meneliti al-Quran. Menurut para ulama, tadarus al-Quran terbahagi kepada tiga tahap. Pertama, belajar ilmu tafsir bacaan al-Quran. Kedua, memahami serta menghayati setiap kalimah di dalam al-Quran. Dan ketiga, mempraktikkan segala ilmu yang terkandung di dalam al-Quran.

Besarlah harapan dengan terbitnya buku ini, ia dapat dijadikan panduan dan rujukan buat seluruh umat Islam dalam konteks tadarus bagi memahami isi kandungan al-Quran. Bertemakan “**al-Quran Penyinar Umat Sepanjang Zaman**”, 10 topik yang dipilih itu amat relevan dan perlu sentiasa dihayati dengan mengambil keberkatan bulan Ramadan yang mulia ini.

Sekian, terima kasih.

## **YB DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY**

## KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH JAKIM

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، سيدنا ونبينا محمد وعلى آله وصحبه  
أجمعين. وبعد:

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 1-2:

الْمَ ۝ ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبٌ فِيهِ هُدَىٰ لِّلْمُتَّقِينَ ۝

Maksudnya: “Alif, Laam, Miim. (1) Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”

Syukur kepada ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya buku **“Ayat-ayat Tadarus Ramadan Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1443 Hijrah”** dapat disiapkan bagi tatapan seluruh umat Islam.

Ini merupakan cetusan idea daripada YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), agar diwujudkan satu buku yang boleh dijadikan panduan bersama bagi mempelajari sejuzuk daripada isi kandungan Kalamullah bersempena bulan Ramadan yang mulia ini.

Sehubungan dengan itu, buku ini digarap dengan memilih beberapa ayat al-Quran berdasarkan 10 buah topik di bawah tema **“al-Quran Penyinar Umat Sepanjang Zaman”**. Topik-topik yang dipilih melibatkan perkara prinsip dalam agama dan kehidupan yang telah diperjelaskan dengan tuntas oleh al-Quran al-Karim. Selepas mengemukakan beberapa ayat al-Quran berkaitan bagi setiap topik, ia akan diikuti dengan penghayatan ringkas, cabaran semasa dan solusi yang dicadangkan.

Akhir kata, semoga buku ini dapat menjadi panduan dan rujukan kepada seluruh umat Islam di Malaysia bagi memahami ayat-ayat Allah SWT dengan lebih mendalam.

Ini bertepatan dengan semangat Ramadan yang menjadi bulan tadarus al-Quran, bukan sahaja dari sudut bacaan, tetapi juga kefahamannya.

Sekian, wassalam.

**DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF**

## 1. MENJUNJUNG SYARIAT ISLAM

### Ayat-ayat Tadarus:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنْتُمُوهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَتَوْا الْزَكَوةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِصْبَةُ الْأُمُورِ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar, dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan”. (Surah al-Hajj: 41)

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

“Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad) dan utuskan engkau menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum ugama; maka turutlah Syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).” (Surah al-Jathiyah: 18)

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَأَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمْ أَخْيَرَةٌ مِّنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَفَقَدْ

ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya:

“Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.” (Surah al-Ahzab: 36)

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Maksudnya:

“Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam”. (Surah *al-An'am*: 162)

### Penghayatan Ringkas:

Menjadi tanggungjawab mana-mana pihak yang dikurniakan kekuasaan oleh Allah SWT di muka bumi untuk menjalankan syariat-Nya. Demikianlah Baginda Rasulullah SAW datang dengan membawa suatu peraturan hidup atau syariat yang sempurna. Ia bukan akalan manusia tetapi bersumberkan wahyu yang diturunkan Allah SWT kepada penutup segala nabi.

Menurut *al-Sa'di*, berdasarkan surah *al-Jathiyah* ayat 18, pelaksanaan kepada syariat itu akan menjamin kebahagiaan abadi, kebaikan dan kejayaan. (Lihat *Tafsir al-Sa'di*, 777) Hal ini juga sebagaimana yang ditegaskan oleh *Ibnu Qayyim al-Jauziyyah*. Beliau mengatakan:

“Syariah (*Islamiah*) itu terbina dan terasas di atas hukum dan maslahah para hamba dalam kehidupan dunia dan akhirat. Ia keseluruhannya adil, keseluruhannya rahmat, keseluruhannya maslahah, keseluruhannya hikmah.” (Lihat *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, 4/337)

Maka dapat difahami, di sebalik syariat itu tersirat objektif atau matlamat demi memelihara kemaslahatan umat manusia yang dikenali sebagai Maqasid Syariah. Ia terbina di atas lima asas yang menjadi keperluan setiap manusia iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Sifat sejagat Maqasid Syariah amat bersesuaian dijadikan sebagai asas kerangka strategik dalam mengurus pentadbiran dan keperluan rakyat tanpa mengira sempadan agama dan bangsa. Prinsip Berasaskan Nilai (*Value-based Principles*) seperti keutamaan (*aulawiyat*) dalam tindakan dan memberi ruang kepada penambahbaikan (*islah*) yang terkandung dalam Maqasid Syariah mampu menjadi wahana yang ampuh dalam menghasilkan impak terbaik bagi menangani isu-isu tadbir urus, kemanusiaan, keadilan, kesihatan, ekonomi dan pelbagai lagi.

Islam meletakkan keutamaan yang tinggi bagi nilai-nilai ini kerana ia merupakan intipati yang terkandung dalam objektif pensyariatan Islam. *Value-based principles* yang terkandung dalam Maqasid Syariah ini menjadikan Islam sentiasa segar dan relevan pada setiap masa dan tempat, tanpa mengira bangsa dan agama. Ini akhirnya akan memperlihatkan Syariat Islam itu sentiasa segar, relevan, realistik dan praktikal pada setiap masa dan tempat, tanpa mengira bangsa dan agama.

Justeru, manusia tidak memiliki pilihan lain kecuali menuruti syariatnya sebagaimana ditegaskan dalam surah *al-Ahzab* ayat 36. Sesungguhnya, Islam adalah *ad-din* yang merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia.

Menurut *Ibn al-Jawzi*, “dan hidupku” dalam surah *al-An’am* ayat 162 bermaksud seluruh kehidupanku dalam ketaatan kerana Allah SWT. (Lihat *Zad al-Masir fi ‘Ilm al-Tafsir*, 3/161) Oleh yang demikian menjadi suatu kewajipan bagi seorang muslim mentaati syariah dan titah perintah Allah SWT dalam seluruh aspek kehidupannya termasuk politik, sosial dan ekonomi. Sedia maklum bahawa perihal politik, sosial dan ekonomi adalah termasuk dalam hukum hakam syariah yang melibatkan amal perbuatan zahir manusia. Jika hukum hakam syariah ditolak, ini bermakna Islam hanya akan tinggal di hati dan di bibir semata-mata.

### **Cabaran Semasa:**

Kemunculan pelbagai ideologi baharu dan pemikiran semasa yang menyebabkan segelintir umat Islam semakin jauh mengamalkan syariat-Nya. Mereka cenderung untuk mengatakan syariat Islam itu tidak autentik, tetapi hanya sekadar suatu pandangan daripada pelbagai pandangan yang boleh diterima atau ditolak.

Justeru, pelbagai usaha dilakukan oleh golongan ini termasuk untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara sekular, menolak pelaksanaan syariah dalam pentadbiran dan undang-undang sehingga mempertikaikan keabsahan pihak berkuasa agama.

Golongan ini dilihat terpengaruh dengan ideologi-ideologi Barat seperti sekularisme, liberalisme, pluralisme, sosialisme, kapitalisme dan lain-lain. Di samping itu, terdapat juga pihak yang terpengaruh dengan pemahaman Islam yang ekstrem seperti ideologi takfiri, khurafat dan tahayul, ajaran sesat yang berpaksikan kebatinan dan lain-lain.

### **Solusi:**

Umat Islam disaran berpegang teguh kepada Syariat Islam yang syumul dan memiliki ciri-ciri yang unggul seperti kesederhanaan (*wasatiyyah*), tidak terlampaui rigid (ekstrem) dan tidak terlampaui longgar (liberal). Di samping mendukung penuh segala usaha pemerintah untuk merealisasikan pelaksanaan syariat Islam di dalam negara selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan berdasarkan Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan.

## 2. PERPADUAN DI ATAS AKIDAH YANG SATU

### Ayat-ayat Tadarus:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نَعْمَتْ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ  
بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ عَائِتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهَتَّدُونَ ١٦٣

Maksudnya:

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.” (Surah Ali ‘Imran: 103)

وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَشْيُعُوا أَلْسُبُلَ فَتَرَقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصْنُوكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقَوْنَ



Maksudnya:

“Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.” (Surah al-An’am: 153)

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزَعُوا فَتَقْشِلُوا وَتَذَهَّبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya:

“Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar.” (Surah *al-Anfal*: 46)

### Penghayatan Ringkas:

Surah Ali ‘Imran ayat 103 menunjukkan kewajipan agar umat Islam berpegang teguh dan bersatu padu di bawah akidah yang benar. Oleh yang demikian, tiada pilihan lain bagi umat Islam kecuali hendaklah berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Sesungguhnya inilah satu-satunya akidah yang menjamin keselamatan manusia di dunia dan di akhirat sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam surah *al-An'am* ayat 153.

Dalam konteks di Malaysia, kita amat bertuah kerana Malaysia adalah sebuah Negara Islam yang berteraskan dasar Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Akidah, syariah dan akhlak ummah sentiasa dipelihara agar selari dengan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam dasar tersebut. Dasar ini jelas termaktub di dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan.

Manakala tafsiran ‘Islam’ dalam perlembagaan telah diperincikan lagi menerusi keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 yang telah menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.

Manakala definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah pula adalah sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Panel Pakar Akidah JAKIM kali ke-60 bertarikh 18 Julai 2019, bahawa:

**“Ahli Sunnah Wal-Jamaah ialah Golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW menerusi para sahabat, tabiin dan tabi’ tabiin yang setia bersama mereka merangkumi manhaj dan kaedah salaf dan khalaf (Asya’irah dan Maturidiyah) dalam prinsip-prinsip akidah, syariah dan akhlak”.**

Penjelasan definisi:

- a) Mereka adalah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Nabi SAW mengikut manhaj dan kaedah salaf dan khalaf (Asya’irah dan Maturidiyyah).
- b) Mereka adalah golongan berfahaman sederhana (*wasatiyyah*), tidak melampau dan tidak terlalu longgar. Ini mengeluarkan *Khawarij*, Syiah *Rafidhah*, *Qadariyyah*, *Jabariyyah*, *Mu’tazilah*, Anti-Hadith, Islam liberal, pluralisme agama dan seumpamanya.
- c) Mereka ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam bukan permusuhan, perdamaian bukan peperangan, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taasub sehingga mengkafir atau menyesatkan sesama Islam.

Sesungguhnya kemuliaan umat Islam bahkan jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara adalah terletak kepada kesatuan dan kesepadanannya. Jangan kerana kita berbeza pendapat, berlainan wadah atau cara pendekatan, menyebabkan hilang nilai ukhuwah dan semangat perpaduan. Ini akhirnya akan menyebabkan umat Islam hilang

kekuatan dan menjadi golongan yang lemah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Anfal* ayat 46 di atas.

### **Cabaran Semasa:**

Umat Islam di Malaysia pada hari ini sedang menghadapi beberapa bentuk perpecahan yang agak membimbangkan. Ia berlaku dalam beberapa aspek terutamanya dari sudut pertembungan politik kepartian dan aliran keagamaan. Kedua-dua aspek ini dilihat telah memberi kesan yang besar terhadap perpaduan umat Islam. Kadangkala ketaasuhan yang melampau terhadap pegangan masing-masing menyebabkan berlaku kafir mengkafir dan sesat menyesatkan antara satu sama lain.

### **Solusi:**

Keperluan untuk seluruh umat Islam berdiri teguh di atas landasan akidah yang satu iaitu Ahli Sunnah Wal Jamaah. Saling bekerjasama atas perkara yang dipersetujui bersama dan saling bertolak ansur pada perkara yang diperselisihkan.

## **3. PENGUKUHAN INTEGRITI**

### **Ayat-ayat Tadarus:**

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْنَتِهِمْ وَعَاهَدُوهُمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya:

“Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.” (Surah *al-Mu’minun*: 8)

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْانَاتِ إِلَيْ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ إِن تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظُّهُمْ

بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat. (Surah *al-Nisa'*: 58)

فَالْتُّ إِحْدَاهُمَا يَأْبَتِ أَسْتَشْجِرُهُ إِنَّ حَيْرَ مَنِ اسْتَشْجَرَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

٣٧

Maksudnya:

"Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah". (Surah *al-Qasas*: 26)

### Penghayatan Ringkas:

Di dalam Islam, konsep integriti ini boleh diungkapkan juga dengan sifat amanah. Di dalam surah *al-Mu'minun* ayat 8, Allah SWT menyifatkan antara sifat-sifat orang yang beriman dan berjaya itu adalah mereka yang menjalankan amanah dan menjaga janji mereka.

Sehubungan itu, Allah SWT memerintahkan dalam surah *al-Nisa'* ayat 58 agar setiap amanah itu diberikan kepada orang yang berkeahlilan. Menurut *al-Tabari* dalam tafsirnya, ayat ini ditujukan kepada para pemimpin, pemegang kekuasaan untuk menjaga amanat yang telah diberikan kepada dirinya terutama hal yang berkaitan dengan rakyat mahupun bawahannya serta berbuat adil dalam membuat penghakiman. (Lihat *Tafsir al-Tabari*, 8/490) Sedangkan menurut *al-Razi*, amal perbuatan manusia dikategorikan kepada tiga kategori:

**Pertama**, yang berkaitan dengan urusan Tuhan. Dalam hal ini, Allah memerintahkan agar seseorang memegang amanah berupa menjalankan perintah-perintah-Nya serta menjauhi larangan-Nya.

**Kedua**, amanah yang berkaitan dengan orang lain seperti pinjam meminjam, tidak mengurangi timbangan dalam bermiaga begitu juga tidak menyebarkan segala keburukan orang lain. Dalam hal ini, termasuk kriteria keadilan para penguasa kepada rakyatnya ataupun keadilan seorang ulama' kepada jama'ahnya dengan cara tidak membebangkan mereka.

**Ketiga**, amanah terhadap diri manusia sendiri dengan cara memilih yang terbaik untuk dirinya di dunia dan akhirat serta tidak mendahulukan hawa nafsu dan menjauhkan diri daripada segala yang merugikan. (Lihat *Mafatih al-Ghaib*, 10/111)

Sifat amanah turut berkait-rapat dengan prestasi dan kecemerlangan tadbir urus sesebuah organisasi. Apabila nilai-nilai ini diterapkan dan ditanamkan dalam jiwa para pekerja, sudah tentu sesebuah organisasi itu mampu untuk menghasilkan perkhidmatan yang efisien dan produk yang berkualiti serta mengoptimumkan daya saing mereka dalam apa jua industri.

Sebagai contoh, jika para pekerja mempunyai nilai integriti yang tinggi dalam diri mereka, pasti mereka akan melaksanakan sesuatu kerja yang diberikan kepada mereka dengan sebaik mungkin. Mereka juga tidak membuang masa dan mencuri tulang dalam waktu bekerja, bahkan mereka menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerja yang dilakukan dan bersungguh-sungguh menyempurnakannya. Hal ini sudah tentu akan memberikan sumbangan yang signifikan kepada kecemerlangan organisasi.

Sebaliknya, sifat-sifat negatif seperti khianat, tidak amanah, memberi atau menerima rasuah, suka membuang masa, mencuri tulang dan seumpamanya pula akan memberi kesan dan menjelaskan kredibiliti sesebuah organisasi. Ini kerana apabila

sesebuah organisasi yang dipalit dengan masalah integriti seperti ini, sudah tentu tidak mendapat kepercayaan dan hormat daripada masyarakat.

### **Cabaran Semasa:**

Antara cabaran dalam membudayakan amalan integriti adalah menangani rasuah. Gejala rasuah merupakan antara musuh utama negara. SPRM melaporkan bahawa daripada tahun 2014 sehingga Jun 2018, seramai 4,860 orang telah ditangkap kerana rasuah dan 2,594 atau 53.4 peratus daripada jumlah itu merupakan golongan muda. Dengan situasi amalan rasuah yang semakin meruncing, dibimbangi ia boleh meruntuhkan integriti sistem pentadbiran sesebuah negara.

### **Solusi**

Integriti mempunyai kaitan erat dengan etika yang perlu kepada penerapan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam mahupun swasta. Nilai-nilai tersebut dapat dicapai dalam apa jua bidang pekerjaan sekiranya individu mempunyai keimanan dan ketakwaan dalam diri masing-masing ketika melaksanakan tugas. Sifat takwa dapat memelihara diri daripada melakukan sebarang dosa kerana keyakinan terhadap akhirat, perkara aib, dosa, pahala dan hari pembalasan.

## **4. KEHARMONIAN BERMASYARAKAT**

### **Ayat-ayat Tadarus:**

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّةٍ وَإِنَّى وَأَنْتَ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَصُكُمْ إِنَّ

اللَّهُ عَلِيمٌ حَسِيرٌ ﴿١﴾

Maksudnya:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak,

supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”  
 (Surah *al-Hujurat*: 13)

الَّذِينَ أَخْرَجُوا مِن دِيْرِهِم بِغَيْرِ حَقٍ إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَا دَفْعُ اللَّهِ الْمَنَاسَ بَعْضُهُم بِعَضٍ لَهُدِمَتْ صَوَامِعُ وَبَيْعَ

وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا أَسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾

Maksudnya:

“Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan kami ialah Allah". Dan kalaularah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja ( kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang ( kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong ugamaNya (ugama Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.” (Surah *al-Hajj*: 40)

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّنَا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَى رَبِّهِم مَرْجِعُهُمْ

فَيُبَيِّنُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencera Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.” (Surah *al-An'am*: 108)

## Penghayatan Ringkas:

Islam merupakan agama universal yang menerima kepelbagaiannya bangsa dan keturunan. Menerusi surah *al-Hujurat* ayat 13, Allah SWT menegaskan bahawa seluruh umat manusia adalah berasal daripada keturunan yang sama. Daripada asal tersebut maka manusia berkembang biak melahirkan pelbagai suku dan bangsa yang sekian ramai.

Dengan keberagaman tersebut, Allah SWT menghendaki supaya manusia saling kenal mengenal, memupuk persefahaman dan bekerjasama bagi menjalani kehidupan di dunia. Itulah prinsip dasar hubungan antara sesama manusia yang menjadi sunnatullah dalam kejadian-Nya.

Dalam konteks Malaysia, kerencaman bangsa dan agama yang telah wujud sejak awal penubuhan negara ini sepatutnya menjadikan warganya sebuah masyarakat multi-etnik yang matang dan berjiwa besar. Prinsip-prinsip persefahaman yang menjadi tonggak perpaduan rakyat dan keamanan negara sebagaimana yang diperjuangkan oleh generasi terdahulu perlu dipertahankan dan dipelihara sampai bila-bila.

Jangan disebabkan oleh sikap rasis, cauvinis dan fanatisme yang membabi buta terhadap kepercayaan atau pegangan masing-masing, lalu masing-masing mengambil sikap memperlekeh kepercayaan atau pegangan orang lain. Ini akhirnya akan menjadi punca timbulnya isu-isu penghinaan terhadap agama sekali gus boleh meruntuhkan asas-asas perpaduan yang telah dibina selama ini.

Larangan menghina agama Islam terakam dalam banyak ayat al-Quran. Antaranya firman Allah SWT dalam surah *al-Taubah* ayat 65:

وَلِئِن سَأَلْتُهُمْ لَيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخْوَضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِّ الْلَّهِ وَعَائِدِهِ وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهْزِئُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

"Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejek-ejekan itu) tentulah mereka akan menjawab: "Sesungguhnya kami hanyalah berbual dan bermain-main". Katakanlah: "Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya?"

Ayat ini diturunkan sebelum berlaku perperangan Tabuk. Pada ketika itu terdapat dua orang munafik yang menghina al-Quran dan Rasulullah SAW manakala seorang lagi mentertawakannya. Lalu Allah SWT menyampaikan hal tersebut kepada Rasulullah SAW. Baginda memanggil mereka bertiga lalu bertanya hal tersebut dan mereka menjawab sambil mengatakan perbuatan itu sekadar suatu gurauan atau permainan. Dengan itu, Allah SWT menurunkan ayat ini menempelak perbuatan mereka. (Lihat *Tafsir al-Qurtubi*, 8/196).

Daripada ayat di atas, dapat fahami bahawa agama Islam tidak boleh sama sekali dihina. Termasuk dalam erti kata menghina Islam adalah menghina segala perkara yang berkaitan langsung dengan agama Islam seperti menghina Allah SWT, Rasulullah dan para nabi, al-Quran, al-Sunnah dan lain-lain.

Bukan sekadar itu, bahkan Islam turut melarang umatnya sendiri untuk menghina agama bukan Islam. Hal ini bersandarkan firman Allah surah *al-An'am* ayat 108 seperti yang dinyatakan di atas.

Walaupun tuhan yang disembah oleh mereka itu adalah batil, namun sekiranya diteliti dengan lebih cermat, alasan larangan itu adalah bagi mengelakkan mereka membala penghinaan atau cercaan itu dengan menghina atau mencerca Allah SWT sedangkan Allah SWT adalah Tuhan yang sebenar-benarnya. Ini bermakna, Islam merupakan agama yang tidak akan berkompromi sama sekali dengan mana-mana pihak yang menghina agama tanpa mengambil kira sama ada agama yang dihina itu adalah Islam atau selainnya.

Islam sendiri merupakan agama yang amat tegas dalam menolak sikap ekstrem dan melampau dalam berinteraksi dengan penganut agama lain. Ini juga fitrah yang Allah SWT wujudkan pada diri setiap manusia itu sehingga cenderung untuk tidak saling meruntuhkan rumah ibadat antara satu sama lain sebagaimana yang dinyatakan dalam surah *al-Hajj* ayat 40 di atas.

### **Cabaran Semasa:**

Laporan-laporan mengenai beberapa kes menghina agama Islam sama ada yang dilakukan oleh orang bukan Islam atau orang Islam sendiri adalah sesuatu yang amat mendukacitakan. Lebih-lebih lagi dengan kedudukan agama Islam yang merupakan agama bagi persekutuan sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara.

### **Solusi:**

Menyebarluaskan kefahaman umat Islam terhadap *Fiqh Ta'ayush* agar ia benar-benar dapat dipraktikkan dalam sebuah masyarakat majmuk. Di samping itu, undang-undang berkaitan penghinaan terhadap agama sama ada agama Islam atau agama lain perlu diperkemaskan dan dikuatkuasakan bagi menjamin keharmonian beragama terus berkekalan di negara ini.

## **5. KEILMUAN BERPAKSIKAN TAUHID**

### **Ayat-ayat Tadarus:**

وَعَلِمَ آدَمُ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضُوهُمْ عَلَى الْمَلِكَةِ فَقَالَ أَئْبُرُونَى بِأَسْمَاءٍ هُؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِينَ ﴿٢٣﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Maksudnya,

"Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: "Terangkanlah kepada Ku

nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar". (31) Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana". (Surah al-Baqarah: 31-32)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَlisِ فَافْسُحُوا يَفْسِحَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَانْشُرُوا يَرْفَعَ

اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٦﴾

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan." (Surah al-Mujadilah: 11)

أَمْنٌ هُوَ قَنِيتُ إِنَّا نَعْلَمُ أَلْيَلَ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَخْدُرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هُلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا

يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٦﴾

Maksudnya:

"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhan? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna." (Surah al-Zumar: 9)

### **Penghayatan Ringkas:**

Menurut *al-Sya'rawi*, surah *al-Baqarah* ayat 31-32 menunjukkan bahawa Allah SWT merupakan guru yang pertama (*al-mu'allim al-awwal*) atau sumber segala ilmu di alam ini. Jika kita melihat pada masa kini terdapat pelbagai jenis bidang ilmu. Semua ilmu ini adalah hasil daripada interaksi akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia. Semua inovasi dan penemuan baharu diambil daripada sumber yang telah sedia wujud sebelumnya. Sebagai contoh, air dan matahari adalah sumber yang telah wujud sejak azali. Apabila manusia menggunakan tenaga haba untuk menguap air dan menggunakan wap sebagai tenaga, maka berlaku anjakan tamadun dalam bidang sains yang disebut sebagai zaman stim, untuk kegunaan kereta api dan mesin di kilang-kilang. (Lihat *Tafsir al-Sya'rawi*, 1/248)

Hal ini amat bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Syed M. Naquib al-Attas ketika mendefinisikan ilmu. Beliau mengatakan, ilmu itu berasaskan premis bahawa ilmu itu datang daripada Allah SWT dan diperoleh daripada jiwa yang kreatif. Sebagai sesuatu yang berasal dari Allah SWT, ilmu didefinisikan sebagai tibanya (*husul*) makna sesuatu atau objek ilmu ke dalam jiwa pencari ilmu; sedangkan sebagai sesuatu yang diterima oleh jiwa yang aktif dan kreatif, ilmu adalah tibanya jiwa (*wusul*) pada makna sesuatu atau objek ilmu. Pada definisi yang pertama, titik penekanan ada pada Allah SWT sebagai sumber segala ilmu; sedangkan pada definisi yang kedua, lebih berorientasi pada manusia yang merupakan si pencari ilmu. (Lihat *ISLAMIA Majalah Pemikiran dan Peradaban Islam*, 5/2005, 64)

Ilmu menurut perspektif Islam bertujuan untuk menyemai keimanan yang mantap, keyakinan yang mendalam kepada Allah SWT dan menyuburkan jiwa untuk menyumbang kepada bangsa dan negara. Ini kerana teras ilmu tersebut adalah mentauhidkan Allah SWT.

Dengan kata lain, tauhid adalah inti kepada ilmu pengetahuan apabila ia berfungsi untuk memahami realiti setiap makhluk yang ada di alam semesta. Ilmu-ilmu lain adalah

cabang kepada tauhid yang memandu semua ilmu tersebut bagi menjamin ketepatan hala tuju kehidupan seseorang di dunia dan akhirat. Justeru, ilmu tauhid akan mewujudkan rasa takut kepada Allah SWT dalam kehidupan hariannya kerana ilmu tauhid membawa manusia untuk mengiktiraf kehadiran Tuhan pada setiap masa dan keadaan.

Hal ini boleh dicontohi daripada perbuatan para ulama dan pemikir Islam lampau yang terkenal dalam tamadun dunia dan tamadun Islam khususnya kerana dua faktor, iaitu penguasaan ilmu dan sumbangan mereka ke arah kemakmuran tamadun. Mereka mempunyai kesedaran tentang peranan dan kedudukan ilmu pengetahuan, yang menjadikan manusia sebagai sebenar-benar manusia, sebagai makhluk yang bercita-cita dan mempunyai nilai-nilai yang tinggi, dan sebagai khalifah Tuhan di muka bumi. Ilmu mencantikkan kehidupan seseorang dan menyemai dalam dirinya dengan semangat kesolehan.

Ringkasnya, konsep ilmu perlu diperbaharui semula dengan meletakkan tauhid sebagai asasnya. Tiada pemisahan antara ilmu agama dengan ilmu bukan agama. Ini kerana Islam mempunyai dua kategori ilmu, iaitu fardu ain dan fardu kifayah. Kesemua bidang ilmu akan tercakup ke dalam salah satu antara dua kategori tersebut. Ilmu yang sering digelar sebagai ilmu sekular, keduniaan, sains dan sebagainya tidak sesekali terkeluar daripada kerangka Islam kerana ia termasuk dalam kategori fardu kifayah.

Menurut al-Attas, ilmu yang dikategorikan sebagai fardu kifayah ialah yang berkaitan dengan ilmu rasional, intelektual dan falsafah yang kesemuanya terangkum dalam ilmu kemanusiaan, ilmu tabii, ilmu terapan dan ilmu teknologi. Disiplin-disiplin baru yang berkaitan dengan perbandingan agama dari sudut pandang Islam, kebudayaan dan peradaban Barat, ilmu linguistik dan sejarah Islam juga termasuk dalam kategori ilmu ini. (Lihat *The Concept of Education*, 41)

### **Cabaran Semasa:**

Berlaku pemisahan ilmu pengetahuan apabila ilmu-ilmu berkaitan sains dan teknologi tidak dianggap sebagai sebahagian daripada ilmu yang dituntut oleh agama. Ini merupakan pengaruh daripada ideologi sekularisme yang memisahkan agama daripada realiti kehidupan. Manakala ilmu-ilmu keduniaan pula dianggap sebagai ilmu yang tiada kena mengena dengan agama. Hal ini menyebabkan mereka yang mempelajari bidang selain agama seolah-olah terpisah daripada kefahaman Islam yang syumul dan komprehensif.

### **Solusi:**

Kefahaman terhadap integrasi antara ilmu keduniaan dan keagamaan atau ilmu aqli dan naqli perlu dipupuk daripada pengajian peringkat rendah sehingga ke peringkat tertinggi.

## **6. ISTIQAMAH BERAGAMA**

### **Ayat-ayat Tadarus:**

① قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَحْدَهُ فَأَسْتَقِيمُوْا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ

Maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredaanNya), serta pohonlah kepadaNya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu). Dan (ingatlah), kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekuatkanNya (dengan sesuatu yang lain)." (Surah *Fussilat*: 6)

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ أَسْتَقْدَمُوا تَسْرِئُلٌ عَلَيْهِمُ الْمَلِكَةُ أَلَا تَخَافُوا وَلَا تَحْزُنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجُنَاحَةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ



Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kamu ialah Allah, kemudian mereka meneguhkan pendirian maka malaikat akan turun kepada mereka sambil berkata, janganlah kamu takut dan janganlah kamu berdukacita, serta bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.” (Surah *Fussilat*: 30)

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْعُو إِنَّهُ وِبِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya:

“Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah; sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.” (Surah *Hud*: 112)

### Penghayatan Ringkas:

Perkara paling penting yang menentukan hala tuju dan jati diri kita sebagai seorang muslim adalah istiqamah. Ini kerana istiqamah merupakan perintah yang dituntut oleh Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam surah *Fussilat* ayat 6 dan surah *Hud* ayat 112 di atas.

Para ulama memberikan pelbagai takrifan tentang istiqamah. Antara yang terlengkap adalah sebagaimana yang diberikan oleh *Ibn Rajab*. Beliau mengatakan bahawa istiqamah itu adalah melalui jalan yang lurus (*al-sirat al-mustaqim*) iaitu agama yang benar, tanpa terpesong daripadanya, tidak ke kanan dan ke kiri, demikian itu meliputi pelaksanaan semua ketaatan yang zahir mahupun yang batin, dan juga meninggalkan segala larangan. (Lihat *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*, 510)

Kesimpulannya, istiqamah bererti konsisten berada di atas jalan yang lurus dengan melaksanakan segala yang diperintah dan meninggalkan segala yang dilarang.

Sahabat Rasulullah SAW, Sufyan bin Abdullah al-Thaqafi pernah bertanya kepada Rasulullah SAW:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، قُلْ لِي فِي إِسْلَامٍ فَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا بَعْدَكَ، قَالَ: قُلْ: أَمْنَثُ بِاللَّهِ، ثُمَّ اسْتَقِمْ.

Maksudnya:

“Wahai Rasulullah. Katakan bagiku dalam Islam, satu perkataan yang aku tidak akan bertanya kepada seorang pun selepas kamu! Nabi SAW bersabda: Katakanlah aku beriman, kemudian beristiqamahlah!” (Riwayat Muslim)

Hadis ini jelas menunjukkan, tiada suatu perkara yang lebih penting selepas iman dan ilmu kecuali beristiqamah dalam mengamalkan Islam.

Sesungguhnya Islam menuntut kita untuk sentiasa beristiqamah dalam beragama. Perlu diketahui bahawa istiqamah yang dimaksudkan itu ialah berdiri teguh di atas jalan yang lurus, berpegang kukuh kepada akidah Islam dan melaksanakan syariat-Nya dengan tekun, tidak berubah dan tidak berpaling dalam apa jua keadaan sekalipun. Adapun dalam kita beristiqamah, walaupun dengan amalan yang sedikit tetapi berterusan adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali-sekala. Rasulullah SAW bersabda:

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ أَدْوْمُهَا وَإِنْ قَلَّ

Maksudnya:

“Sebaik-baik amalan di sisi Allah *Subhanahu Wata'ala* adalah perbuatan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit.” (Riwayat Muslim)

Sesungguhnya orang yang berterusan dalam mengerjakan ibadah, beramal kebajikan, berakhlak mulia dalam mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya, dijanjikan dengan pelbagai ganjaran sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *Fussilat* ayat 30. Daripada ayat tersebut, terdapat beberapa hikmah hasil daripada beristiqamah, antaranya ialah:

- Seseorang yang istiqamah dalam amal ibadahnya akan selalu didorong oleh para malaikat dan ia merupakan satu keuntungan disebabkan malaikat itu membawa rahmat.
- Seseorang yang istiqamah, tidak mudah merasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, kuat keyakinannya, kukuh pendiriannya dan besar harapannya kepada Allah SWT.
- Orang yang istiqamah tidak mudah merasa sedih terutama apabila kehilangan sesuatu kerana ia merasa semua itu adalah memang milik Allah SWT.
- Mereka yang istiqamah juga mendapat balasan syurga yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.

### **Cabaran Semasa:**

Terdapat di kalangan umat Islam pada hari ini yang tidak mengambil berat terhadap kehidupan beragama. Bagi mereka, Islam itu cukup sekadar beriman di dalam hati semata-mata. Mereka mendakwa, amal perbuatan tidak boleh dijadikan sandaran kerana semuanya bergantung kepada niat. Oleh kerana itu, walaupun bersolat tetapi dalam masa yang sama mereka merasa tidak bersalah jika terjebak melakukan perbuatan terlarang seperti perlakuan seks songsang, berpakaian seksi di khalayak ramai, mengamalkan rasuah dan seumpamanya.

### **Solusi:**

Masyarakat Islam perlu diberikan kefahaman yang tepat berkenaan konsep iman dan amal. Salah faham terhadap konsep tersebut, ditambah dengan pengaruh ideologi songsang seperti fahaman liberal dan sekular akan menyebabkan mereka terjebak ke dalam krisis identiti sebagai muslim sejati.

## 7. SENTIASA BERTABAYYUN

### Ayat-ayat Tadarus:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَلٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.” (Surah al-Hujurat: 6)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجْسَسُوا وَلَا يَغْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيُّوبٌ

أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلْ يَأْكُلْ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهُتُمُوهُ وَأَتَقْوَا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَابُ رَحِيمٌ ﴿١٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.” (Surah al-Hujurat: 12)

### Penghayatan Ringkas:

*Tabayyun* merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud menthabitkan dan menyemak asas kebenarannya. Berita atau sebarang maklumat yang diterima seharusnya diteliti dan dipastikan terlebih dahulu kebenarannya

dan ketepatan informasi bagi mengelakkan sebarang agenda atau perkara yang tidak baik berlaku seperti fitnah, menipu dan memburukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian. Perintah untuk “*tabayyun*” merupakan perintah yang sangat penting agar kita dapat mengelakkan dari berprasangka.

Imam *al-Syaukani* berkata, “Yang dimaksudkan dengan *tabayyun* adalah memeriksa dengan teliti dan yang dimaksudkan dengan *tatsabbut* adalah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan khabar yang datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya.” (Lihat *Fath al-Qadir*, 5/65)

Allah SWT memerintahkan supaya menyelidik serta mendapat kebenaran berita yang disampaikan seseorang. Ini bagi mengelak daripada terjadinya perkara yang tidak diingini berlaku sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Hujurat* ayat 9 di atas.

*Ibn Kathir* berkata: “Allah perintahkan supaya kita *thabitkan* dahulu perkhabaran orang fasiq sebagai *ihtiyat* (berhati-hati). Ini kerana supaya seseorang tidak berhukum dengan ucapannya menyebabkan dalam keadaan begitu boleh membawa kepada dusta atau tersilap”. (Lihat *Tafsir al-Quran al-'Azim*, 7/370)

Syeikh *al-Maraghi* dalam mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT telah mengajar hambanya supaya beradab mulia dalam soal agama ataupun dunia. Dan berhubung dengan perkara itu, apabila seseorang yang fasiq datang memberitahu sesuatu berita yang bertentangan dengan syiar agama. Oleh itu, jangan mempercayai beritanya itu melainkan dengan menyelidik serta menelitinya dahulu. (Lihat *Tafsir al-Maraghi*, 26/126)

Dr. *Wahbah al-Zuhaili* dalam mentafsirkan ayat di atas menyatakan Allah SWT menyeru kepada umatnya yang beriman, apabila datang orang fasiq menyampaikan berita sebaiknya mencari kebenaran berkenaan dengan berita itu dan janganlah terlalu cepat menghukum dan menyebarnya. Ini kerana takut akan keburukan dan perkara yang

tidak diingini berlaku di atas keputusan yang salah serta memberi kemudaratkan ke atas orang lain. (Lihat *al-Tafsir al-Munir*, 26/227)

Tidak bertabayyun sesuatu berita itu boleh menyebabkan terjadinya prasangka yang buruk berlaku di kalangan masyarakat serta keadaan yang kurang tenang. Allah SWT melarang daripada melakukan perbuatan ini seperti mana firman-Nya dalam surah al-Hujurat ayat 12.

Syeikh Abdul Rahman al-Sa'di dalam mentafsirkan ayat di atas mengatakan bahawa Allah SWT melarang berprasangka buruk terhadap saudara Muslimnya. Dengan sebab berprasangka buruk ini akan menyebabkan berlaku pengumpatan dan mencerca. Melakukan perkara yang diharamkan sehingga tertanam di dalam hatinya perasaan yang buruk terhadap rakan Muslimnya dan menimbulkan permusuhan sesamanya. (Lihat *Taisir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, 1/801)

Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya mengetahui kebenaran sesuatu berita yang disampaikan. Oleh itu, penelitian di dalam menerima sesuatu berita itu mestilah diambil berat bagi memastikan kebenarannya. Ini supaya dapat mengelak daripada berlakunya penyebaran berita palsu dan perbuatan ini akan mendatangkan kemurkaan Allah SWT serta tergolong dalam golongan yang pendusta. Seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin Asim RA, sabda Nabi SAW:

كَفَىٰ بِالْمُرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

Maksudnya:

“Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarnya (tanpa *tabayyun*).” (Riwayat Muslim)

### Cabaran Semasa:

Peningkatan penggunaan media sosial menyebabkan ramai orang semakin terdedah kepada lambakan maklumat. Sebahagian maklumat tersebut didapati bersifat sensasi, spekulatif, gosip liar bahkan palsu. Namun keghairahan menarik *likers* dan *followers* yang

ramai telah menyebabkan sebahagian pengguna media sosial berkongsi sesuatu maklumat tanpa sebarang pengesahan dan usul periksa.

### **Solusi:**

Menyemak berita tersebut berdasarkan konsep *tabayyun* di dalam Islam. Berita atau sebarang maklumat yang diterima seharusnya diteliti dan dipastikan dahulu kebenaran dan ketepatan informasi bagi mengelakkan sebarang agenda atau perkara yang tidak baik berlaku seperti memfitnah, menipu dan memburukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian.

Tidak menerima berita daripada orang yang fasiq dan juga sumber berita yang tidak berautoriti. Dalam menerima maklumat, lihatlah kepada mereka yang berautoriti agar maklumat yang diberikan benar dan tepat. Hal ini bagi mendidik masyarakat untuk merujuk serta menerima berita dan juga menyemaknya kepada yang sepatutnya.

## **8. MERAIKAN KHILAF**

### **Ayat-ayat Tadarus:**

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۚ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١١٨﴾

Maksudnya:

“Dan kalaualah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah ia menjadikan umat manusia semuanya menurut ugama yang satu. (Tetapi ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.” (Surah Hud: 118)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُواْ أَطِيعُواْ اللَّهَ وَأَطِيعُواْ الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَلْمِرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنْزَعُمُ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى الرَّسُولِ إِنْ

كُنُّتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَاللَّيْلَمَ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya." (Surah *al-Nisa'*: 59)

### **Penghayatan Ringkas:**

Menurut *Raghib al-Asfahani*, definisi khilaf adalah seseorang yang mengambil suatu jalan yang berbeza dengan jalan orang yang lain di dalam perbuatan dan juga ucapannya. (Rujuk *Mufradat al-Quran*, *al-Raghib al-Asfahani*, 294) Dengan kata lain, khilaf itu adalah perbuatan yang berlawanan dengan kesepakatan.

Dalam surah *Hud* ayat 118 di atas, Allah SWT menjelaskan perbezaan pendapat adalah merupakan sebahagian daripada fitrah kejadian manusia. Ini kerana, jika Allah SWT kehendaki, sudah tentu semua manusia akan bersatu dalam semua perkara.

Kata *al-Hafiz Ibn Kathir Rahimahullah* ketika mengulas berkenaan ayat ini: "Sentiasalah manusia itu berselisih pandangan di dalam agama, pegangan, aliran, mazhab, dan pendapat-pendapat mereka. Kecuali golongan yang dirahmati oleh Allah dari kalangan pengikut para Rasul. Yang mana mereka itu berpegang teguh dengan apa yang telah agama perintahkan hasil dari perkhabaran-perkhabaran yang telah para rasul sampaikan kepada mereka. Kata *al-Hasan al-Basri Rahimahullah*: Disebabkan perselisihan inilah Allah menciptakan mereka, sebagaimana kata Ibn Abbas: Allah menciptakan mereka kepada dua kelompok. Ada di antara mereka yang derita dan ada dari kalangan mereka golongan yang bahagia." (Lihat *Tafsir al-Quran al-Azhim*, *Ibn Kathir*, 7/362)

Seperti yang telah dinyatakan, tabiat peribadi, hala tuju, minat dan kesukaan, akan menyebabkan seseorang berbeza dengan orang lain. Tambahan pula ilmu yang mereka pelajari di pelbagai tempat akan menyebabkan terkesannya seseorang dengan guru-guru dan tempat belajar mereka.

Berikut merupakan beberapa faktor utama berlakunya perbezaan pendapat:

- Masalah ilmu: Ini kerana, kejahilan adalah musuh utama bagi manusia. Justeru, menghilangkan sisi kejahilan dan menambahkan kefahaman akan membawa perasaan hormat dan dapat menerima kepelbagaian pendapat jika ianya berasaskan hujah dan juga dalil yang sahih.
- Tafsiran terhadap nas berdasarkan kepada *idrak* atau capaian kefahaman: Perkara ini juga merupakan sebab berlakunya perbezaan pendapat. Ianya dapat dikesan dengan cara fikir dan cara memahami seseorang itu terhadap nas. Ia dapat diselesaikan juga dengan cara menambah ilmu pengetahuan dan juga mendapatkan pencerahan.
- Wujudnya taksub dan sifat ekstrem dengan pendapat sendiri: Sifat taasub sama ada kepada pandangan sendiri, pandangan guru, ataupun jemaah sendiri serta menganggap bahawa kebenaran mutlak hanya milik kita dan selain kita kesemuanya salah adalah sifat buruk yang perlu dihindarkan dalam usaha untuk mengelakkan perbalahan semasa berbeza pendapat. Bahkan berlapang dada dan meraikan kepelbagaian pendapat itu adalah suatu yang terpuji.
- Sifat Kesumat Dan Hasad Dengki: Sifat-sifat ini hanya akan menatijahkan perasaan permusuhan sesama kita. Hal ini sangat sukar untuk ditangkis kecuali jika diri kita disiram dengan keimanan dan sifat mahmudah seperti ikhlas, rendah diri, juga sifat rahmah. Ingatlah bahawa saudara yang kita musuhi itu adalah merupakan saudara seislam dan seiman dengan kita juga.

### **Cabaran Semasa:**

Mutakhir ini didapati berlaku khilaf yang tidak sihat dalam kalangan masyarakat. Ia mungkin berlaku disebabkan oleh perbezaan pendapat dari sudut politik atau aliran keagamaan. Lebih parah lagi apabila kedua-dua pihak dilihat sangat fanatik dan taasub terhadap kumpulan masing-masing. Hal ini kadang-kadang sehingga membawa kepada kata-kata kesat, tuduhan sesat dan kafir mengkafir sehingga menyebabkan berlaku perpecahan dalam kalangan umat Islam.

### **Solusi:**

Umat Islam perlu dididik dengan adab berbeza pendapat selagi mana apa yang diperselisihkan itu termasuk dalam perselisihan pendapat yang muktabar. Banyak contoh yang boleh diambil bagaimana para ulama menguruskan perbezaan pendapat. Oleh itu, pendekatan mengharmonikan dan meraikan perbezaan serta melihat kepada persaudaraan adalah sangat penting. Dengan kata lain, kita meletakkan ukhuwah islamiah sesama kita itu lebih utama sehingga hati-hati kita tetap bersatu sekalipun berbeza pendapat, aliran maupun pendekatan.

## **9. MEMPERGIATKAN DAKWAH**

### **Ayat-ayat Tadarus:**

كُنْتُمْ خَيْرًا أُمَّةً أَخْرِجْتُ لِلَّئَسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْلَا إِيمَانَ أَهْلِ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِيقُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaularah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu

beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik." (Surah Ali 'Imran: 110)

وَمَنْ أَحْسَنْ قَوْلًا مَّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا وَقَالَ إِنَّمَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!" (Surah Fussilat: 33)

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالْقِيَمِ هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ

وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ﴿١٥﴾

Maksudnya:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah juga yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk." (Surah al-Nahl: 125)

### Penghayatan Ringkas:

Islam adalah agama yang tertegak dengan dakwah. Demikian sifat yang ada pada Islam menuntut supaya umatnya melaksanakan dakwah. Tanpa dakwah, akan menjadikan Islam seperti agama *rahbani* iaitu agama yang sekadar beribadah, mengasingkan diri daripada manusia dan tidak mempedulikan keadaan sekeliling. Ini bertentangan dengan roh syariat Islam yang bermatlamatkan pembangunan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Terlalu banyak ayat al-Quran yang memerintahkan agar umat Islam menjadi golongan yang sentiasa menyumbang dan berkhidmat, bukan sekadar menjadi ahli ibadat semata-mata. Antaranya firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 110 dan surah *Fussilat* ayat 33 dan surah *al-Nahl* ayat 125 seperti di atas.

Berdasarkan nas-nas syarak, para ulama memberikan pelbagai definisi mengenai dakwah. Al-Qaradawi mengatakan dakwah adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam dan mengikut petunjuk dari-Nya serta menegakkan syariat-Nya di muka bumi ini. Begitu juga menyeru masyarakat agar mentauhidkan Allah SWT dengan ibadat dan amal ketaatan serta melepaskan diri daripada sebarang bentuk kongkongan selain daripada Allah SWT semata-mata. Memberikan hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah. Menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad di jalan-Nya. (Lihat *Thaqafah al-Da'iyyah*, 3)

Syeikh Muhammad al-Ghazali pula menyebut, dakwah ialah satu program yang lengkap. Setiap peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat yang sebenar. (Lihat *Ma'a Allah Dirasat fi al-Da'wah wa al-Du'ah*, 17)

Menurut Dr. Abdul Karim Zaidan pula, isi kandungan dakwah adalah Islam itu sendiri. Ini termasuklah perbincangan dari sudut definisi Islam, rukun-rukun Islam, ciri-ciri keistimewaan Islam, sistem-sistem Islam dan objektif–objektif (*maqasid*) Islam itu sendiri. (Lihat *Islam dan Dakwah*, 9)

Manakala Syeikh Sa'id Hawwa mengatakan, dakwah ke jalan Allah merupakan satu matlamat dan pada masa yang sama ia merupakan wasilah untuk mencapai matlamat lain seperti *tazkiyyah al-nafs*, pembentukan individu dan keluarga Muslim, masyarakat dan negara Islam. Pencapaian matlamat ini bergantung kepada dakwah. Semakin banyak usaha dakwah dijalankan, maka matlamat umum yang diamanahkan

oleh Allah SWT akan tercapai. Oleh itu, keutamaan perlu diberikan kepada dakwah lebih daripada yang lain. (Lihat *Kai La Namdhi Ba’ida ‘an Ihtiyajat al-‘Asr*, 238)

Berdasarkan beberapa takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa dakwah dalam konteks makro adalah penzahiran iman yang dimanifestasikan dalam segenap aspek kehidupan seorang mukmin sebagai individu, anggota keluarga, ahli masyarakat dan rakyat dalam sesebuah negara. Ia dirangka dalam usaha mengujudkan ajaran Islam yang komprehensif sehingga boleh menjadi contoh dan ikutan kepada semua pihak sama ada sesama muslim atau bukan muslim. Kerana itu, menurut Sa’id Hawwa, dalam manhaj dakwah *rabbaniyyah*, menyumbang khidmat adalah setinggi-tinggi metodologi dakwah dalam mencitrakan sifat rendah diri terhadap muslim yang lain. (Lihat *Jund Allah Thaqafatan wa Akhlaqan*, 338)

Dari sudut mikro, mungkin kita boleh perincikan dakwah itu kepada dua rukun utama iaitu amar makruf dan nahi mungkar. Amar makruf diertikan dengan apa jua kebaikan yang dilakukan dan bertepatan dengan syarak seperti berdoa, berzikir, solat berjemaah, orang tua, menghubung persaudaraan, menyantuni anak yatim, mendirikan masjid, pusat-pusat pengajian dan pusat-pusat kebajikan, merancakkan pertumbuhan ekonomi, mentadbir negara dengan penuh integriti dan lain-lain.

Manakala nahi mungkar adalah mencegah sebarang keburukan, kemaksiatan dan kebinasaan yang dilarang syarak seperti kesesatan, khurafat, perzinaan, penipuan, pembunuhan, rompakan, perjudian, rasuah, salah guna kuasa dan seumpama dengannya.

Menurut mantan Syeikh al-Azhar, al-Marhum Syeikh Dr. Abdul Halim Mahmud, menjadi suatu kewajipan agar agama Islam itu disebarluaskan sehingga ke seluruh pelosok dunia supaya manusia sejagat dapat berlindung di bawah lembayungnya. Ini merupakan suatu amanah yang terbeban di atas setiap bahu orang Islam. Sesungguhnya dakwah itu tidak dibatasi masa, tempat, situasi, negara dan organisasi, sebaliknya ia adalah tanggungjawab bersama yang perlu dilunaskan oleh setiap mukmin dalam

segenap lapangan bagi menyampaikan mesej Islam yang syumul. (Lihat *Minhaj al-Da'wah ila al-Islam fi al-'Asr al-Hadith*, 7)

Maka terdapat di sana dakwah kepada sesama Islam yang bertujuan untuk menyucikan agama daripada perkara yang tidak benar. Terdapat juga dakwah kepada mereka yang tinggal jauh di pedalaman dan ceruk rantau sehingga tidak mengenali Islam kecuali teramat sedikit. Justeru mereka perlu dibimbing untuk mengenali prinsip-prinsip asas mengenai akidah dan ibadah dalam Islam. Demikian juga dakwah kepada mereka yang terpengaruh dengan pemikiran Barat seperti ateisme, wujudiah, pemikiran menyeleweng dan falsafah sesat. Begitu juga dakwah kepada golongan yang mengisyiharkan permusuhan kepada Islam dengan segala upaya mereka. (Lihat *Minhaj al-Da'wah ila al-Islam fi al-'Asr al-Hadith*, 8)

Dengan itu, dakwah adalah suatu gerak kerja komprehensif yang boleh dilaksanakan oleh semua peringkat daripada individu, masyarakat, organisasi hingga negara. Ia juga meliputi semua bidang kehidupan tanpa kecuali sama ada agama, sosial, kesenian, sukan, ekonomi, pertahanan, keselamatan, kesihatan, perundangan atau politik.

### **Cabaran Semasa:**

Pada hari ini menyaksikan kita semakin terdedah kepada pelbagai propaganda, ideologi, berita dan fakta yang mencemarkan kesucian Islam yang dikhuatiri boleh menggugat akidah ummah melalui media siber. Keadaan ini menuntut suatu pembaharuan atau tajdid dalam melakukan dakwah agar ia sampai kepada sasarannya.

### **Solusi:**

Menjadi suatu keperluan bagi institusi Islam termasuk para ulama, pendakwah dan agamawan untuk mempergiatkan dakwah menerusi media siber sehingga mampu mengatasi bahkan menandingi pihak berkenaan.

## 10. MENGANGKAT HAK ASASI MANUSIA MENURUT ISLAM

Ayat-ayat Tadarus:

هَلْ أَنِي عَلَى الْإِنْسَنِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُنْ شَيْئًا مَّذْكُورًا ﴿١﴾ إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ مِنْ نُّطْفَةٍ أَمْشَاجَ نَبْتَلِيهُ فَجَعَلْنَاهُ

سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٢﴾

Maksudnya:

"Bukankah telah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa (yang beredar) , sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut, (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat)? (1) Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat." (Surah al-Insan: 1-2)

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقْتُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

"Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa." (Surah al-Baqarah: 21)

وَلِلَّهِ يَسْجُدُ مَنِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظَلَالُهُمْ بِالْغُدُرِ وَالْأَحَادِيلِ ﴿٩﴾

Maksudnya:

"Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk menurut, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa; dan (demikian juga) bayang-bayang mereka; pada waktu pagi dan petang." (Surah al-Ra'd: 15)

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّٰهِي حَنِيفًا فِي قَرَبَتُهُ الَّذِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الَّذِي أَقْرَىمْ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ

النَّاسُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah ugama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) ugama Allah, iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.” (Surah *al-Rum*: 30)

### Penghayatan Ringkas:

Dalam memahami Hak Asasi Manusia (HAM) menurut Islam, isu pertama yang paling asas diajar oleh Islam adalah mengenal hakikat diri manusia. Apabila seseorang mengetahui status dirinya, maka ia akan bercakap dalam ruang lingkup dirinya sebagai manusia. Dalam surah *al-Insan* ayat 1-2, Allah SWT menjelaskan dari manakah asal usul manusia dan apa tujuan penciptaannya.

Syiekh al-Tantawi mengatakan ayat ini menjelaskan bahawa manusia itu diciptakan Allah SWT daripada tiada kepada ada. Demikian juga Dia Maha Berkuasa untuk mengembalikan mereka kepada kehidupan selepas mati untuk dihisabkan segala amal perbuatannya. Matlamat penciptaan manusia adalah untuk menguji mereka dengan segala yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Lalu Allah SWT akan menilai, siapa dalam kalangan mereka yang tunduk kepada perintahnya maka dia bersyukur dan siapa yang ingkar maka dia kufur. (Lihat *al-Tafsir al-Wasit*, 15/214-215)

Dalam surah *al-Baqarah* ayat 21, Allah SWT menyeru sekalian manusia supaya menyembah-Nya, Tuhan yang telah menciptakan mereka dan orang yang sebelum mereka. Manakala dalam surah *al-Ra'd* ayat 15, Allah SWT menjelaskan bahawa

ketundukan seseorang hamba itu tidak semestinya berlaku secara sukarela, tetapi ia mungkin juga berlaku secara terpaksa atau tanpa disedarinya.

Berasaskan dalil-dalil tersebut, ia menunjukkan HAM menurut Islam adalah tertakluk kepada kedudukan manusia sebagai makhluk dan hamba Allah SWT. Ia bertepatan dengan fitrah kemanusiaan yang telah diciptakan oleh Allah SWT di dalam diri setiap manusia sebagaimana firman-Nya dalam surah *al-Rum* ayat 30.

Dalam hal ini, HAM menurut perspektif Islam tidak lain bermaksud *al-hurriyyah al-fitriyyah* iaitu kebebasan manusia menurut fitrah. Sebagaimana kata *al-Buti*, kebebasan menurut fitrah sekali-kali tidak akan bercanggah dengan sifat perhambaan manusia kepada Allah SWT, bahkan dengan memperhambakan diri kepada Allah SWT, maka ia semakin mengangkat tinggi fitrah kemanusiaan. (Lihat *Huriyyah al-Insan fi Zill 'Ubudiyyatih Lillah*, 119)

Ini berbeza dengan hak asasi manusia menurut Barat yang menjadikan akal manusia semata-mata sebagai sumber rujukan. Lebih-lebih lagi, istilah hak asasi manusia secara eksplisit baru ditemukan di Barat pada abad ke-18. (Lihat *Instrumen Internasional Pokok Hak-Hak Asasi Manusia*, 11)

Justeru, tidak dapat disangkal lagi, perjuangan HAM pada hari ini banyak dipengaruhi oleh gerakan hak asasi manusia di Barat. Terdapat beberapa kejadian yang menimpa Barat telah mendorong perjuangan atas nama HAM sehingga penubuhan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations*) pada tahun 1945 dan seterusnya, penggubalan *Universal Declaration on Human Rights* (UDHR) 1948.<sup>[1]</sup>

Dengan demikian, gagasan HAM yang dianjurkan oleh Barat sudah tentu berlatarbelakangkan pemikiran dan budaya hidup mereka. Jika diteliti, ideologi HAM di Barat adalah bersifat *anthroposentrik*, iaitu menjadikan manusia sebagai ukuran terhadap segala sesuatu. HAM dalam perspektif ini menempatkan manusia dalam suatu ketetapan bahawa hubungannya dengan Tuhan sama sekali tidak wujud. HAM dinilai sebagai

kurniaan semula jadi ('*alamiyyah*) sejak lahir. Tegasnya, HAM di Barat itu bersifat sekular sehingga orientasi dan kebertanggungjawabannya hanya tertumpu kepada manusia semata-mata.(Lihat Hak Asasi Manusia: Hakekat, Konsep dan Implikasinya dalam Perspektif Hukum dan Masyarakat, hlm. 217)

Dengan kata lain, HAM menurut kaca mata Barat adalah berpaksikan fahaman humanisme. Iaitu satu sistem pemikiran atau isme yang memberi penekanan terhadap nilai kemanusiaan dan kebajikannya. Fahaman ini juga menafikan kebergantungan manusia kepada unsur agama dan agama dilihat sebagai suatu yang menyusahkan hidup manusia. (Lihat *Encyclopedia of Ethics*, 2/800)

Berdasarkan perbahasan di atas, dapat kita fahami bahawa perbezaan mendasar antara HAM menurut Islam dan HAM menurut Barat adalah pada sumber rujukannya. HAM menurut Islam merupakan kebebasan manusia menurut fitrah berpandukan wahyu Allah SWT, manakala HAM menurut Barat merupakan perjuangan menuntut kebebasan mutlak bagi setiap manusia tanpa berpandukan wahyu dan nilai-nilai agama.

### **Cabaran Semasa:**

Gerakan pihak yang memperjuangkan HAM menurut perspektif Barat dilihat semakin kuat mutakhir ini. Mereka mengeksplotasi segala ruang dan peluang yang ada seperti menerusi saluran politik, sosial dan perundangan bagi menuntut apa sahaja yang didakwa sebagai HAM. Antaranya seperti menuntut hak supaya kerajaan mengiktiraf perlakuan LGBT, hak menukar agama bagi orang Islam dan hak kesamarataan gender yang menyalahi syarak (seperti dalam isu talak dan faraid).

### **Solusi:**

Umat Islam perlu didedahkan dengan konsep HAM yang sebenar menurut Islam. Persepsi seolah-olah Islam sebagai agama yang tidak mengangkat HAM perlu dikikis dan diperbetulkan. Golongan politikus, aktivis sosial, pakar undang-undang dan para

agamawan hendaklah berganding bahu menjelaskan HAM dalam konteks Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan Melayu yang menjadi asas budaya serta jati diri bangsa Malaysia.

الله  
يَعْلَمُ



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
(JAKIM)**